

Komited pelihara alam sekitar daripada musnah atas nama pembangunan

Peka perjuang isu alam sekitar

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI
dan ABDUL RAZAK IDRIS

SHAH ALAM – Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) terus komited untuk memperjuangkan isu-isu berkaitan alam sekitar di negara ini bagi memelihara ekosistem daripada dirosakkan atas nama pembangunan.

Presidennya, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, isu penebangan hutan atas tujuan pembinaan infrastruktur seperti lebuh raya menjadi fokus utama Peka memandangkan pada masa ini banyak hutan terpaksa ditebang untuk tujuan pembinaan lebuh raya.

“Pembinaan lebuh raya di Lembah Klang yang semakin bertambah sejak kebelakangan ini telah mengorbankan banyak kawasan hutan yang berharga. Seharusnya kawasan tadahan hujan ini dipelihara bukannya terus dimusnah dengan



SHARIFFA SABRINA (duduk di depan, tiga dari kiri) dan Mike (duduk di depan, tiga dari kanan) bergambar bersama ahli-ahli jawatankuasa Peka Selangor pada mesyuarat penubuhan Peka Selangor di Tanah Aina Cafe, Shah Alam semalam.

rakus untuk keuntungan jangka pendek,” katanya. Beliau berkata demikian selepas merasmikan mesyuarat penubuhan Peka Selangor di Tanah Aina Cafe di sini semalam.

Peka Selangor merupakan cawangan ketiga Peka selepas

Peka Pahang dan Peka Perak yang telah ditubuhkan sejak dua bulan lalu.

Pertubuhan bukan kerajaan itu juga bakal menubuhkan cawangan di Negeri Sembilan dan Melaka dalam masa terdekat.

Dalam pada itu, Shariffa Sabrina berkata, pihaknya gembira

kerana kesedaran untuk memelihara alam sekitar dalam kalangan warga Lembah Klang dapat dilihat pada mesyuarat pertama penubuhan pertubuhan tersebut.

Ujarnya, beberapa isu di Selangor akan diketengahkan oleh pihak Peka dalam usaha memastikan hutan-hutan di Selangor

terus terpelihara.

“Antaranya ialah memperjuangkan hutan yang bakal ditebang untuk memberi laluan kepada projek pembinaan Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) yang melibatkan kawasan hutan di sekitar Gombak dan Ampang.

“Kita akan cuba berunding dan akan menghantar bantahan terhadap projek ini kerana difahamkan lebih 100 hektar hutan bakal di tebang,” jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Peka Selangor, Mike Tan berkata, beliau dan barisan Exco yang baharu dilantik serta ahli-ahli Peka komited untuk memperjuangkan isu-isu alam sekitar di Selangor.

“Saya yakin lebih ramai lagi rakyat Selangor akan menyertai Peka tidak lama lagi. Kami berjanji akan cuba sedaya upaya memperjuangkan isu-isu alam sekitar di negeri ini dan juga mengharapkan sokongan daripada kawan-kawan Peka di negeri lain untuk berjuang bersama kami,” ujarnya.